



Jimat RM7.00

untuk Mix Grilled + Black Pepper Sauce

▶ Dapatkan Baucar



Akhbar Digital

iPad App

Android App



## EKONOMI

## Misi bio Malaysia capai tujuh kerjasama

2014/06/30 - 04:42:17 AM

[Emel Kawan](#)
[Cetak](#)

 Tweet [g+1](#) [0](#)

Misi pelaburan dan perdagangan bio Malaysia sempena Konvensyen Antarabangsa BIO 2014 di San Diego, Amerika Syarikat (AS) menghasilkan tujuh pertukaran dokumen bagi kerjasama dalam industri bioperubatan dan kesejahteraan.

Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dalam satu kenyataan semalam, berkata pertukaran dokumen pertama ialah antara Algae International Bhd (AIB) dan Nutrigae untuk membangunkan projek/program yang memberi manfaat bersama untuk menjana produk berkaitan alga.

### Australian Visa - RM29

[easyeta.com](#)

Officially Issued Government Visas.  
Quick & Easy Online Application



Pertukaran kedua ialah antara Sengenics Sdn Bhd dan CollabRx Inc untuk mengembangkan perkhidmatan diagnostik klinikal seluruh 'exome'.

Ketiga ialah antara Neopeutics dan Felda Wellness Corporation, memberi laluan bagi penemuan potensi bahan terapeutik baharu daripada ubat tradisional Malaysia dan biodiversiti Malaysia untuk pasaran antarabangsa.

FELDA Wellness juga akan bekerjasama dengan Gordagen dalam projek yang bertujuan mengekstrak sebatian baharu daripada minyak sawit untuk mencipta produk latihan daya tahan, kesihatan jantung dan kawalan glisemik.

Pertukaran dokumen yang kelima membabitkan FELDA Wellness dan Malaysian Genomics Resource Centre Bhd, bagi perkhidmatan jujukan genom untuk tumbuhan dan perkhidmatan penyaringan genetik untuk manusia dikenali sebagai Dtect, yang akan menyaring DNA untuk penanda genetik yang dikaitkan dengan risiko penyakit.

Setiap ujian Dtect disesuaikan untuk kumpulan penyakit tertentu, seperti kardiovaskular, metabolisme dan penyakit pediatrik, dan keputusan boleh membantu menguruskan kesihatan penduduk.

FELDA Wellness akan turut bekerjasama dengan syarikat perlombongan data Seeloz untuk membantu ia mengenal pasti peluang pasaran dan mengembangkan operasi di peringkat global, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan membawa faedah ekonomi untuk Malaysia.

Ia juga akan bekerjasama dengan syarikat perunding yang berpangkalan di Seoul, Naerok dalam penyelidikan dan pengkomersialan kosmetik di Korea Selatan, dan syarikat merancang untuk menjadikannya hab pengeluaran bagi rantau Asia Timur.

Delegasi diketuai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin, termasuk Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang, pegawai daripada kerajaan Kedah, Sabah dan Sarawak, peserta industri, pihak berkuasa pembangunan koridor ekonomi dan agensi promosi pelaburan.

Misi itu untuk meneroka pelaburan dan peluang perkongsian dengan peserta antarabangsa dalam sektor bioindustri dan bioperubatan dan meletakkan Malaysia sebagai hab utama bagi pelaburan bioekonomi di Asia.

Lebih daripada 150 syarikat global menyertai sesi rangkaian dan mesyuarat perkongsian di tiga lokasi. - BERNAMA

 Tweet [g+1](#) [0](#)

## HANGAT

- Eksklusif: HALANG PONDOK 'EKSTREM'
- Kuih-muih wajib ada tanda harga
- 'Berbuka bukan masa balas dendam'
- Filipina berjaga-jaga
- Pemain Islam tetap berpuasa

## IKLAN TEKS

Untuk sebarang pertanyaan mengenai iklan teks, hubungi [muzainy@mediaprima.com.my](mailto:muzainy@mediaprima.com.my) untuk maklumat lanjut.

Tweets by @bharianmy



**\*MINGGU/BULAN PERTAMA ANDA PERCUMA**

**BERITA SMS BERITA HARIAN**

**Maxis & Celcom**  
SMS ON BH ke 26787  
RM5/bulan

**SMS ON WBH ke 26787**  
RM1.50/minggu

**DIGI**  
SMS ON BHN ke 22220  
RM5/bulan

**SMS ON WBHN ke 22220**  
RM1.50/minggu

Tutup Iklan

Klik untuk info lanjut >>